

KESAKSAMAAN PRINSIP-PRINSIP KESELAMATAN PRODUK SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI ASPEK ‘*HALĀLAN TAYYIBAN*’ DENGAN PRINSIP-PRINSIP SYARIAH*

The Similarity of Product Safety Principles as part of the ‘*Halālan Tayyiban*’ Aspect with the Shariah Principles

Nazatul Nabila Mohd Jalil¹
Zalina Zakaria²
Nursyamimi Zawani Mohd Shoid³

ABSTRACT

Product safety is one of the main protections under the consumer protection regulations. It should be the primary aim in any

* Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan geran Konsortium Pendidikan Tinggi Malaysia (KIHAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (MO002-2018) serta Geran Grand Challenge Universiti Malaya (GC002B-17HNE) mengenai Produk Penjagaan Diri dan Kesihatan Halal. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta Kluster Kemanusiaan Universiti Malaya kerana membiayai projek ini.

¹ Assistant Director, Division of Law, Department of Islamic Development (JAKIM), nazatulnabila.islam@1govuc.gov.my

² Director, University of Malaya Halal Research Centre and Senior Lecturer, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, zalina_jsu@um.edu.my

³ Research Assistant, University of Malaya Halal Research Centre, University of Malaya, zawanishoid@um.edu.my

consumer protection policy in every country, including Malaysia. This is due to the fact that there are a lot of consumer goods that are heterogeneous and more technologically advanced that are continually being introduced to consumers. The principle of product safety is in line with the principles laid down by Shariah. This article discusses the similarity of product safety principles as part of ‘tayyiban’ aspect with the Shariah principles.

Keywords: *product safety, Shariah principles, tayyiban*

PENDAHULUAN

Artikel ini akan menghuraikan konsep-konsep perlindungan pengguna dalam kepenggunaan Islam bagi melihat pandangan, konsep, falsafah serta etika Islam terhadap kepenggunaan dengan lebih terperinci. Seterusnya, artikel ini akan mengenal pasti prinsip-prinsip Syariah berkaitan keselamatan produk yang terdapat dalam konsep *halālan tayyiban*. Perbincangan berkaitan *halālan tayyiban* dibuat bagi melihat kedudukan keselamatan produk yang telah digariskan dalam Islam. Artikel ini turut membincangkan mengenai hubungan antara keselamatan produk dan bagi menjelaskan kedudukan keselamatan produk dalam Islam secara lebih jelas. Analisis komparatif diaplikasikan dalam artikel ini bagi menganalisis keselarasan peruntukan undang-undang berkaitan keselamatan produk di Malaysia dengan prinsip-prinsip Syariah yang telah digariskan dalam Islam.

UNDANG-UNDANG KESELAMATAN PRODUK DALAM KERANGKA PERLINDUNGAN PENGGUNA DI MALAYSIA

Pada tahun 1960, undang-undang keselamatan produk mula berkembang di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun dan negara-negara Eropah yang lain. Sebaliknya, undang-undang keselamatan produk masih asing di Malaysia pada ketika itu. Ini kerana, pada waktu itu, Malaysia tidak mempunyai perundangan yang khusus berkaitan keselamatan produk. Namun, Malaysia sebagai sebuah negara membangun turut melalui arus globalisasi.

Oleh itu, penghasilan produk yang canggih dan berinovasi, kebanjiran variasi produk, pemasaran produk jarak jauh turut melanda pasaran pengguna di Malaysia. Laporan mengenai kemalangan, kecederaan, dan kerugian akibat kecacatan produk kian meningkat. Lantaran daripada itu, kesedaran terhadap kepentingan dan keperluan undang-undang keselamatan produk mula lahir di Malaysia bukan sahaja untuk memberikan perlindungan kepada pengguna

malah bagi menyeimbangkan kuasa pasaran antara pengeluar dan pengguna. Di Malaysia, terdapat dua bentuk peruntukan undang-undang keselamatan produk iaitu yang berbentuk umum (*general*) dan berbentuk khusus (*sectoral*).

Manakala dari sudut garis masa undang-undang keselamatan produk di Malaysia, terbahagi kepada dua iaitu sebelum tahun 1999 dan selepas tahun 1999. Sebelum tahun 1999, terdapat konsep keselamatan produk dalam tujuh perundangan asas yang digubal dan dikuatkuasakan di Malaysia.⁴ Namun, undang-undang keselamatan produk tersebut hanyalah melibatkan produk-produk tertentu sahaja dan berada di bawah bidang kuasa kementerian yang berbeza.

Inisiatif kerajaan untuk melindungi pengguna secara khusus dapat dilihat melalui penggubalan dan penguatkuasaan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999). Akta ini bersifat tambahan dan tidak menjelaskan pemakaian akta-akta lain yang berkaitan keselamatan produk yang telah digubal sebelum ini.⁵ APP 1999 ini juga mengandungi satu bahagian yang diperuntukkan berkaitan standard keselamatan. Peruntukan berkaitan standard keselamatan ini adalah berobjektifkan perlindungan pengguna yang komprehensif. Namun, jika pola pemikiran pengguna tidak bersifat litigasi atau perundangan maka tindakan perundangan berkaitan produk yang tidak selamat, berisiko dan cacat sebagai mana yang diperuntukkan dalam akta adalah sukar dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Penguatkuasaan undang-undang yang optimum memerlukan tindakan dan respons daripada pengguna yang peka dan cakna terhadap hak mereka. Justeru, objektif peruntukan undang-undang yang digubal tidak akan tercapai tanpa kepekaan dan respons pengguna terhadap perundangan yang telah digubal bagi melindungi hak mereka.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada tahun 2014, 49 kes diambil tindakan di bawah APP 1999,⁶ manakala pada 2015, hanya 24

⁴ Ismail, R., Yusoff, S. S. A., Suhor, S., Aziz, A. A., Razman, M. R., & Talib, K. A., ‘Consumer Right to Safe Product: The Application of Strict Criminal Liability in Product Safety Legislations in Malaysia,’ *Journal of Social Sciences & Humanities*, vol. 20 (2012): 57-72.

⁵ Rahmah Ismail, ‘Keselamatan Produk dan Perlindungan Pengguna: Satu Tinjauan,’ *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, vol. 4 (2000): 53-73.

⁶ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, *Statistik Utama KPDKNKK 2014* (Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, 2015), 60.

kes yang didakwa.⁷ Oleh itu, bagi memastikan akta ini terus mampu untuk melindungi pengguna, bukan hanya memerlukan kepekaan pengguna malah penggubal undang-undang agar isu-isu semasa berkaitan kepenggunaan tidak dibiarkan terus kelompongan. Akhirnya, pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan daripada kelompongan ini dan pengguna akan menjadi mangsa.

KONSEP PERLINDUNGAN PENGGUNA DALAM ISLAM

Definisi “Pengguna” Menurut Islam

Secara amnya, definisi pengguna tidak terdapat dalam al-Quran maupun hadis secara jelas.⁸ Namun, tidaklah bermakna Islam menafikan pengguna, kepenggunaan dan perlindungan pengguna. Hal ini kerana, terdapat perkataan-perkataan yang berunsurkan penggunaan dalam al-Quran dan hadis yang menjelaskan mengenai perintah, larangan, cara-cara dan had-had dalam penggunaan sesuatu perkara yang diamanahkan oleh Allah SWT. Selain itu, Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh juga mengiktiraf manusia sebagai pengguna yang bebas menikmati kekayaan dan nikmat alam ciptaan Allah SWT untuk kesejahteraan dan keselesaan hidup.⁹ Walau bagaimanapun, kebebasan tersebut mestilah selari dengan adab dan peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Ulama telah membahagikan penggunaan harta dan barang kepada dua bentuk penggunaan.¹⁰ Bentuk yang pertama adalah penggunaan *itlāf* (penggunaan habis) dan kedua penggunaan *istihlākī* (penggunaan berterusan). *Itlāf* merujuk kepada penggunaan sesuatu barang sehingga menghabiskan

⁷ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, *Statistik Utama KPDNKK 2015* (Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, 2016), 64.

⁸ Rohani Abd. Rahim, ‘Konsep Syariah dan Undang-Undang Mengenai Kepenggunaan,’ (Kertas kerja, Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 16-17 Mei 1992).

⁹ Noor Ashikin Hamid & Nur Amani Pauzai, ‘Konsep Kepenggunaan Mengikut Syariah dan Aplikasinya dalam Undang-Undang Malaysia,’ (Kertas kerja, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 15 Oktober 2008).

¹⁰ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, vol. 4 (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1993), 129. Rujuk juga Shofian Ahmad, ‘Perlindungan Pengguna dalam Kontrak Jualan Barang Menurut Undang-Undang Kontrak Islam’ (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 82-85.

fizikalnya, contohnya memakan makanan dan meminum minuman. Manakala *istihlākī* pula penggunaan yang berulang tanpa menghabiskan dan merosakkan fizikal barang tersebut. Namun, nilai barang tersebut mungkin akan habis dan kurang dalam jangka masa yang panjang. Contohnya, penggunaan kereta, rumah, perabot, buku, dan sebagainya. Pembahagian penggunaan oleh ulama ini telah menyebabkan pengguna dalam Islam turut terbahagi kepada dua, iaitu pengguna yang menggunakan barang secara fizikalnya (*itlāf*) dan pengguna yang menggunakan manfaat barang secara berulang (*istihlākī*).

Konsep Kepenggunaan dan Perlindungan Pengguna dalam Islam

Kepenggunaan bukanlah frasa baru dalam Islam, pensyariatan berkaitan peraturan-peraturan penggunaan telah wujud sejak penciptaan Nabi Adam AS lagi. Konsep kepenggunaan ini turut Allah SWT turunkan dalam agama-agama samawi yang lain, contohnya pengharaman daging sesetengah haiwan untuk kegunaan Bani Israel¹¹ dan larangan mengurangkan dan menipu dalam timbangan dan sukatan kepada kaum Nabi Shu‘ayb AS.¹² Kedatangan Islam melalui Nabi Muhammad SAW turut membawa ideologi kepenggunaan Islam. Ideologi ini mengharamkan amalan-amalan buruk seperti riba, judi, eksplorasi, menyorok barang bagi memastikan kelestarian pengguna dan kepenggunaan.

Kepenggunaan dalam Islam dibahagikan kepada dua skop utama, iaitu kepenggunaan hakiki dan kepenggunaan maknawi. Kepenggunaan hakiki merupakan penggunaan sesuatu barang secara fizikal, sama ada penggunaan tersebut berbentuk *itlāf* atau *istihlākī* sebagaimana yang telah dikategorikan oleh ulama. Contohnya, penggunaan rumah, perabot, buku, kereta dan sebagainya. Manakala kepenggunaan maknawi pula merujuk kepada penggunaan secara tidak langsung yang mendedahkan pengguna kepada ancaman jika tidak dilindungi seperti iklan dan filem yang mempunyai promosi yang keterlaluan.

Oleh kerana penggunaan dalam Islam merangkumi dua skop, perlindungan kepenggunaan dalam Islam turut merangkumi dua skop tersebut iaitu perlindungan kepenggunaan hakiki dan perlindungan kepenggunaan maknawi.¹³ Perlindungan kepenggunaan hakiki merupakan perlindungan

¹¹ Al-Khin, Muṣṭafā Sa‘īd, *al-Kāfi al-Wāfi fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 233.

¹² Kaum Nabi Shu‘ayb AS yang dibinasakan kerana menipu sukatan dan timbangan dalam perniagaan. Rujuk Surah al-Tawbah: 70, al-Hijr: 78, Tāha: 40, dan al-Hajj: 44).

¹³ Abdul Halim Abd Kadir, Nor Azzah Kamri & Baharom Kassim, *Maqasid Syariah: Isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2013), 1-27.

dalam penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan secara hakiki. Contohnya, perlindungan terhadap pengguna daripada kerosakan, kecacatan, penipuan oleh pengeluar dan pembekal barang. Manakala, perlindungan kepenggunaan maknawi pula merujuk kepada perlindungan dalam penggunaan sesuatu barang secara maknawi yang melindungi pengguna daripada kesan penggunaan barang dan perkhidmatan.

Kategori Penggunaan dalam Islam

Dalam Islam terdapat tiga kategori kepenggunaan iaitu;¹⁴

- a) *Darūriyyāt* adalah penggunaan barang dan perkhidmatan yang berbentuk keperluan asas. Antaranya penggunaan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.
- b) *Hājiyāt* pula penggunaan barang dan perkhidmatan yang berbentuk keperluan bagi keselesaan dan kemudahan. Contohnya menikmati makanan, pakaian, tempat tinggal dan kendaraan yang lebih baik jika seseorang berkemampuan. Namun, ketiadaannya tidak menjelaskan kehidupan individu.
- c) *Taḥsiniyyāt* adalah penggunaan barang dan perkhidmatan yang berbentuk keperluan kepada kemewahan. Contohnya, penggunaan perhiasan yang mahal seperti barang kemas, kereta mewah dan sebagainya.

Falsafah dan Etika Kepenggunaan Islam

Falsafah kepenggunaan Islam berpaksikan kepada tauhid bagi memenuhi matlamat penciptaan manusia untuk beribadah kepada Allah SWT. Oleh itu, kepenggunaan Islam bukan hanya memperjuangkan hak pengguna malah memperkasakan tanggungjawab pengguna itu sendiri. Falsafah kepenggunaan Islam memberi penekanan terhadap hubungan yang meliputi empat hubungan asas iaitu, pertama hubungan pengguna dengan Allah SWT, kedua hubungan pengguna sesama pengguna yang lain, ketiga hubungan pengguna dengan alam sekitar dan yang terakhir hubungan pengguna dengan sistem kawalan perundangan.¹⁵

¹⁴ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 1-2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 4. Lihat juga Rohani Abd. Rahim, ‘Konsep Syariah dan Undang-Undang Mengenai Kepenggunaan.’

¹⁵ Abdul Halim Abd Kadir, Nor Azzah Kamri & Baharom Kassim, *Maqasid Syariah: Isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran*, 1-27.

Ini bermakna falsafah kepenggunaan Islam bukan hanya memperakui dan membela hak pengguna malah hak yang berkaitan dengannya. Oleh itu, pengguna turut bertanggungjawab memelihara hubungannya dengan entiti lain bagi memastikan kelangsungan haknya. Contohnya, pengguna mestilah membeli barang secara sederhana dan tidak boros bagi mentaati perintah Allah SWT, malah pengguna mestilah melupuskan barang yang telah digunakan dengan baik bagi menjaga alam sekitar.

Kepenggunaan Islam mempunyai beberapa matlamat asas antaranya kemaslahatan, pemilikan, pengabdian dan amanah.¹⁶ Matlamat kepenggunaan Islam yang pertama adalah untuk mencapai *maqāṣid al-shari‘ah* (tujuan pensyariatan) iaitu untuk mencapai kebaikan (*maṣlahah*) dan mengelak keburukan (*mafsadah*) di dunia dan akhirat.¹⁷ Matlamat kedua dalam kepenggunaan Islam adalah pemilikan yang merupakan antara tanda Islam mengiktiraf fitrah manusia untuk memiliki dan menggunakan harta. Selain itu, kepenggunaan dalam Islam turut bermatlamat untuk pengabdian dan kepatuhan kepada Allah SWT. Kerangka kepenggunaan Islam yang berasaskan tauhid ini menjadikan penggunaan sebagai simbol ketaatan dan kepatuhan manusia terhadap setiap perintah dan larangan Allah SWT yang merupakan salah satu amanah dari Allah SWT.

Selain itu, Islam amat mementingkan adab dan etika dalam setiap aktiviti harian, termasuklah dalam aktiviti kepenggunaan. Antara nilai etika dan adab yang menjadi keutamaan dalam kepenggunaan Islam adalah keadilan, kebersihan, keselamatan, kualiti, kesederhanaan, kebijaksanaan, kebertanggungjawaban dan keberkatan. Ringkasnya, falsafah kepenggunaan Islam yang berasaskan tauhid ini menjadikannya berbeza dengan falsafah kepenggunaan barat. Perbezaan wujud dari sudut matlamat dan hubungan dalam kepenggunaan, kerana kepenggunaan Islam lebih kepada matlamat ketauhidan dalam mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan akhirat.

¹⁶ Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali, ‘Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam,’ (Kertas kerja, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial ke arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4-6 Jun 2012).

¹⁷ Abdul Halim Abd Kadir, Nor Azzah Kamri & Baharom Kassim, *Maqasid Syariah: Isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran*, 1-27. Lihat juga Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali, ‘Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam.’

PRINSIP-PRINSIP KESELAMATAN PRODUK DALAM ISLAM

Islam berasal daripada Bahasa Arab iaitu *salām*, *salima* dan *aslama*. *Salām* bermakna selamat, sejahtera, harmoni serta aman damai, *salima* pula bermakna tulen dan autentik, manakala *aslama* pula bermakna patuh dan menyerah diri kepada Allah SWT.¹⁸ Keselamatan adalah sesuatu yang diiktiraf dalam Islam sebagai hak setiap individu, ini melihat kepada makna kalimah Islam itu sendiri membawa kepada keselamatan dan kedamaian. Namun keselamatan pengguna yang terdapat dalam Islam bukanlah terhad kepada aspek keselamatan fizikal semata-mata, malah keselamatan ini juga meliputi keselamatan akidah dan syariat Islam itu sendiri.¹⁹ Hal ini kerana objektif kawalan keselamatan dalam Islam mempunyai dua objektif utama iaitu untuk memberikan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat.

Prinsip-prinsip Keselamatan Produk dalam Konsep *Halālan Tayyiban*

Umumnya, konsep keselamatan produk tidak dibincangkan oleh ulama silam mahupun kontemporari secara khusus. Namun, keselamatan produk ini dibincangkan secara ringkas dan tidak langsung dalam bab-bab tertentu kitab *fiqh*, antaranya dalam bab makanan, jual beli dan perubatan. Dalam kajian ini, konsep *halālan tayyiban* akan dikaji bagi melihat konsep keselamatan produk yang terdapat dalam Islam. Pemilihan konsep *halālan tayyiban* ini adalah kerana konsep ini merupakan indikator utama dalam menentukan keselamatan, kualiti dan kebersihan produk dalam Islam, sama ada produk makanan, minuman, kosmetik, farmaseutikal, mahupun produk perbankan. Oleh itu, konsep ini dilihat merupakan konsep yang paling sesuai dan tepat untuk kajian ini bagi menganalisis prinsip-prinsip keselamatan produk yang telah digariskan oleh Islam.

Halālan tayyiban merupakan dua frasa berangkai yang terdapat di dalam al-Quran. Antara ayat al-Quran yang mengabungkan kedua-dua frasa ini adalah:

يَأَيُّهَا أَنَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّعِدُوا حُطُولَتِ
الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ



¹⁸ Jasni Sulong & Faisal Husen Ismail, ‘Kesejahteraan Sejagat: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Syariah,’ *Jurnal Usuluddin*, vol. 31 (2010): 81.

¹⁹ Shofian Ahmad, ‘Perlindungan Pengguna dalam Kontrak Jualan Barang Menurut Undang-Undang Kontrak Islam,’ 92.

Kesaksamaan Prinsip-Prinsip Keselamatan Produk Sebagai Sebahagian dari Aspek ‘*Halālān Tayyibān*’ dengan Prinsip-Prinsip Syariah

“Wahai manusia! Makanlah yang halal lagi baik yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh yang nyata bagimu.”

(Surah al-Baqarah, 2: 168)

وَكُلُّوا مِمَّا رَزَقَكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيْبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

“Dan makanlah dari apa yang telah diberikan Allah kepadamu sebagai rezeki yang halal dan baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.”

(Surah al-Mā’idah, 5: 88)

فَكُلُّوا مِمَّا عَنِمْتُمْ حَلَالًا طَيْبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

“Maka makanlah dari sebahagian rampasan perang yang telah kamu peroleh itu, sebagai makanan yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Surah al-Anfāl, 8: 69)

فَكُلُّوا مِمَّا رَزَقَكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيْبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

“Maka makanlah yang halal lagi baik dari rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu; dan syukurilah nikmat Allah, jika kamu hanya menyembah kepada-Nya.”

(Surah al-Nahl, 16: 114)

Halal merupakan kata nama Bahasa Arab yang berasal daripada kalimah *halla*, *yahillu*, *hilān* yang maksud membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan dibolehkan.²⁰ Halal merupakan antonim kepada frasa haram²¹ atau sesuatu yang tidak termasuk dalam sesuatu yang haram.²² Manakala halal

²⁰ Ibrāhīm Muṣṭafā, Ahmad Ḥasan al-Ziyāt, Hāmid ‘Abd al-Qādir, Muhammad ‘Alī al-Najjar, *al-Mu’jam al-Waṣīṭ* (t.t.p.: al-Maktabah al-Islāmiyah, 1972), 193.

²¹ Al-Fayyūmī, Abī al-‘Abbās Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn ‘Alī al-Muqrī, *al-Miṣbāh al-Munīr fī Gharīb al-Sharh al-Kabīr* (Bayrūt: ‘Ādal Murshīd, t.t.), 128.

²² Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣārī Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 13 (Bayrūt: Dār al-Šādir, 1955), 54. Lihat juga Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, vol. 18, 74-77.

dari sudut istilah pula merujuk kepada sesuatu perkara yang dibolehkan oleh syarak. Yūsuf al-Qarādāwī pula menyatakan bahawa halal adalah sesuatu yang diharuskan, yang tiada ikatan larangan padanya dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya.²³ Al-Jurjānī pula membahagikan halal kepada dua pengertian, iaitu pertama merujuk kepada keharusan menggunakan sesuatu untuk keperluan jasmani contohnya makanan, minuman dan ubat-ubatan. Kedua, halal berkaitan keharusan sesuatu perbuatan atau tindakan seperti memakan, meminum, membelanjakan dan sebagainya.²⁴ Oleh itu, halal ini merujuk kepada sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk digunakan, dimakan dan dimanfaatkan.²⁵

Tayyiban pula berasal dari perkataan *tayyib*, *yatību*, *tayyiban* yang ditakrifkan sebagai suci, baik dan bagus.²⁶ Justeru itu dalam al-Quran, frasa *tayyiban* ini bukan hanya digunakan berkaitan makanan sahaja, malah turut digunakan untuk menyifatkan negara yang *tayyib*, pokok yang *tayyibah*, tanah yang *tayyiban*, mu'min yang *tayyib*, zuriat yang *tayyibah*, tempat tinggal yang *tayyibah* dan selainnya. Makna *tayyiban* ini diistilahkan dengan definisi yang berbeza melihat kepada konteks ayat al-Quran. Oleh itu, ulama berselisih pendapat dalam mendefinisikan *tayyiban* dari aspek istilah. Terdapat lima pandangan ulama dalam mendefinisikan frasa *tayyiban* dari sudut istilah.

Pandangan pertama, mendefinisikan *tayyiban* sebagai halal, kerana setiap yang dihalalkan oleh Allah SWT adalah bersifat baik (*tayyib*), manakala yang diharamkan oleh Allah adalah buruk dan jijik (*khabā'ith*). Pandangan ini diutarakan oleh Imam Mālik, al-Şābūnī, Imam al-Baghawī, Imam Abī Hayyān dan al-‘Uthaymīn. Hal ini kerana sesuatu yang jijik seperti khinzir, riba, bangkai, dan darah adalah diharamkan oleh syarak, maka sesuatu yang halal adalah baik (*tayyib*).²⁷

Manakala, pandangan kedua pula berpendapat bahawa *tayyiban* ini merujuk kepada sifat sesuatu yang bersih dan suci²⁸ (الظاهر), iaitu bersih daripada najis,

²³ Yūsuf al-Qarādāwī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Qāhirah: Maktabah al-Wahbah, 1994), 13.

²⁴ ‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī, *al-Ta‘rifāt* (Singapura: al-Haramayn, 1980), 92.

²⁵ Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar, ‘Halālan Tayyiban dalam Kerangka Perundungan Malaysia,’ *Kanun*, vol. 26/1 (2014): 103-120.

²⁶ Ibrāhīm Muṣṭafā, Ahmad Hasan al-Ziyat, Hāmid ‘Abd al-Qādir, Muḥammad ‘Alī al-Najjar, *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ*, 573.

²⁷ Muḥammad bin Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fath al-Qadīr: al-Jāmi‘ bayna Fannī al-Riwāyah wa al-Dirāyah fī ‘Ilm al-Tafsīr*, vol. 1 (Miṣr: Dār al-Rad al-Jadīd, 2013), 144.

²⁸ Al-Dibyān, Abī ‘Umar Dibyān bin Muḥammad, *Mawsū‘ah al-Ahkām al-Tahārah al-Miyah al-Aniyah*, vol. 1 (Riyāḍ: Maktabah al-Rashīd Nashrun, 2005), 40.

perkara-perkara syubhab dan kekotoran. Pandangan ini dilontarkan oleh dan Imam al-Baghawī, Imam al-Tabarī dan Imam al-Zamakhsharī.

Pandangan ketiga pula berpendapat bahawa *tayyibān* itu sesuatu yang dianggap baik dan suci oleh bangsa Arab, begitu juga dengan *khabā’ith* yang merujuk kepada sesuatu yang dianggap keji dan jijik oleh masyarakat Arab. Penentuan *tayyibān* dan *khabā’ith* berdasarkan citarasa masyarakat Arab kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa mereka, mereka juga merupakan bangsa yang diturunkan wahyu dan mereka adalah bangsa yang sederhana dalam citarasa.²⁹ Ini merupakan pandangan yang dikeluarkan oleh mazhab al-Shāfi‘ī, Hanafi dan Hanbali.

Pandangan keempat daripada al-Alūsī, al-Rāzī, al-Qurtūbī, dan Imam al-Shāfi‘ī mendefinisikan *tayyibān* itu sebagai sesuatu yang lazat dan tidak diharamkan di dalam al-Quran dan hadis. Sesuatu yang lazat ini merujuk kepada sesuatu yang disukai dan didorong oleh diri dan hati. Oleh itu, sesuatu yang najis dan kotor tidak melazatkan kerana tidak disukai oleh diri dan hati. Pandangan kelima pula menyatakan bahawa *tayyibān* adalah perkara yang tidak memudaratkan agama, badan dan akal. Justeru, perkara yang *tayyibān* itu mestilah memberi kemaslahatan (kebaikan) kepada agama, badan dan akal. Iini merupakan pandangan Ibn Taymiyyah dan Ibn Kathīr mengenai frasa *tayyibān*. Oleh itu, gabungan frasa *halālan tayyibān* ini diistilahkan oleh ulama sebagai sebaik-baik yang halal,³⁰ halal yang suci dan tidak bernajis,³¹ halal yang lazat³² dan halal yang tidak memudaratkan agama, nyawa dan akal.³³

Justeru, dalam Islam produk yang selamat bukan hanya perlu suci, bersih, dan menyihatkan, malah terhindar daripada perkara-perkara yang berbahaya, memabukkan, najis, dan menepati konsep *halālan tayyibān*. *Halālan tayyibān* ini pula bukan hanya berpaksikan duniai malah turut berorientasikan ukhrawi, yang meliputi kebersihan dan kesucian dari aspek fizikal, mental,

²⁹ Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin, ‘Kriteria Makanan yang Baik dan Buruk Menurut Perspektif Kepenggunaan Islam,’ dalam *Halal Haram dalam Penggunaan Islam*, ed. Suhaimi Ab Rahman & Mohammad Aizat Jamaludin (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 65-83.

³⁰ Muhammad ‘Alī al-Šabūnī, *Rawā’i‘ al-Bayān Tafsīr Āyat al-Aḥkām min al-Qur’ān*, vol. 1 (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2001), 121.

³¹ Abī Ja‘far Muhammad Ibn Jarīr al-Tabarī, *Tafsīr al-Tabarī*, vol. 1 (Qāhirah: Dar al-Ma‘ārif, 1958), 81.

³² Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umar al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1994), 3.

³³ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘il, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Rayyān li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2004), 267.

emosi dan spiritual selaras dengan tuntutan syarak. Maka, setiap produk yang memenuhi kriteria *halālan tayyibān* adalah selamat bagi kegunaan pengguna. Antara kriteria-kriteria *halālan tayyibān* adalah:

Pertamanya, produk yang selamat mestilah tidak mengandungi bahan dan perkara yang telah diharamkan secara jelas (*qat’ī*) dalam al-Quran dan hadis iaitu bangkai, darah yang mengalir, daging khinzir, haiwan yang tidak disembelih, najis dan arak. Semua perkara yang diharamkan ini dikira tidak selamat dalam Islam kerana mempunyai kemudaratian kepada manusia. Contohnya, bangkai diharamkan oleh Allah SWT kerana bangkai yang mati secara semula jadi (sendiri) kebiasaannya mati kerana sesuatu penyakit atau kerana memakan tumbuhan beracun atau kerana sebab-sebab lain.³⁴ Oleh sebab itu, bangkai ini berada dalam keadaan tidak selamat untuk dimakan dan syariat ini selari dengan tabiat semula jadi manusia akan menolak dan merasa jijik dengan bangkai.

Begitu juga dengan pengharaman darah, penggunaan produk yang mengandungi darah juga mengancam keselamatan pengguna. Hal ini dibuktikan dengan fakta sains bahawa darah merupakan tempat terbaik untuk perkembangan dan pertumbuhan bakteria, tidak mengandungi gizi makanan, malah telah bercampur dengan unsur-unsur yang sangat beracun dan berbahaya contohnya karbon dioksida, serta sukar untuk dicerna.³⁵ Justeru produk yang mengandungi darah tidak selamat kerana tidak memenuhi kriteria *halālan tayyibān* dan membawa *mafsadah* kepada manusia.

Selain itu, produk yang selamat dalam Islam juga perlu bebas daripada daging khinzir dan derivatifnya. Pengharaman daging khinzir dan derivatifnya oleh Islam adalah berdasarkan kepada kemudaratian yang terdapat dalam binatang tersebut walaupun terdapat banyak kegunaan binatang tersebut dalam industri antaranya industri tekstil, makanan, farmaseutikal, kosmetik dan sebagainya. Kajian ilmiah telah menyatakan bahawa memakan daging babi akan mengakibatkan kecacingan kerana khinzir merupakan binatang pemakan bangkai yang memakan apa sahaja, lalu akan mendatangkan pelbagai penyakit kepada manusia, khususnya jangkitan parasit yang boleh membawa maut.³⁶ Selain itu, khinzir juga sering dikaitkan dengan virus yang membawa maut contohnya virus H1N1, virus Nipah dan virus *Japanese encephalitis* (JE). Maka, tidak dinafikan lagi daging khinzir dan derivatifnya boleh memudaratkan justeru produk yang selamat haruslah bebas daripada unsur-unsur binatang ini.

³⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, 42.

³⁵ Faila Sufatun Nisak, ‘Makanan Bermutu dalam al-Quran’ (Tesis Doktor Falsafah, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2014), 160.

³⁶ Abd Rahman, *Halalkah Ubat Anda* (Kuala Lumpur: H Science Solution, 2012), 31.

Kriteria produk *halālan tayyiban* yang kedua adalah produk tersebut mestilah tidak berbahaya dan memudaratkan. Contohnya, dadah dan racun merupakan dua unsur yang mempunyai kebaikan namun pada masa yang sama turut mempunyai kemudaratkan yang besar kepada diri. Oleh itu, Islam mengharamkan penyalahgunaan racun dan dadah. Namun dalam bidang perubatan, penggunaan racun dan dadah adalah dibenarkan kerana darurat.³⁷ Islam turut menetapkan bahawa sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratkan fizikal, mental, emosi, dan spiritual sama ada kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain juga perlu dijauhi. Konsep ini seiring dengan kaedah fiqh, iaitu *lā ḏarara wa lā ḏirār* (tidak boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain).³⁸ Maka, sesuatu produk yang selamat perlu memenuhi ciri-ciri ini iaitu tidak berbahaya dan memudaratkan sama ada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spiritual.

Prinsip-prinsip keselamatan produk yang terdapat dalam konsep *halālan tayyiban* mendapati bahawa konsep ini dari sudut teorinya lebih menyeluruh dan luas skopnya berbanding dengan keselamatan produk yang terdapat dalam undang-undang sivil. Hal ini kerana dalam undang-undang sivil produk yang selamat merupakan produk yang risikonya berada pada tahap yang munasabah (*reasonable*), boleh diterima (*acceptable*) dan bebas daripada risiko yang boleh dielak (*preventable*). Namun, dalam Islam produk yang selamat itu bukan hanya bersih dan suci malah perlu memenuhi kriteria-kriteria *halālan tayyiban* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Keselamatan Produk dalam Kerangka Prinsip Asas Halal

Prinsip asas berkaitan halal telah digariskan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam kitab *al-ḥalāl wa al-ḥarām fī al-Islām*. Antara prinsip halal yang telah diutarakan tersebut adalah seperti yang berikut:³⁹

- a) Asal bagi sesuatu perkara adalah harus.
- b) Kuasa menghalalkan dan mengharamkan sesuatu adalah hak mutlak Allah.
- c) Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram adalah sama dengan syirik.

³⁷ Harmy Mohd Yusuf et al., *Fikah Perubatan* (Selangor: PTS Millennia Snd. Bhd., 2013), 83-90.

³⁸ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Shāfi’iyah* (Riyāḍ: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Baz, 1997), 59.

³⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, 14.

- d) Pengharaman sesuatu itu adalah kerana ia membawa kepada keburukan dan kemudaratan.
- e) Perkara yang halal tidak memerlukan lagi perkara yang haram.
- f) Perkara yang membawa kepada haram adalah haram.
- g) Berhelah dalam perkara yang haram adalah haram.
- h) Niat yang baik tidak dapat menghalalkan yang haram.
- i) Menghindarkan diri daripada perkara syubhab kerana bimbang terlibat dengan haram.
- j) Sesuatu yang haram adalah haram untuk semua orang.
- k) Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang (haram).

Prinsip halal ini berperanan penting dalam mengenal pasti dan menimbang tarik antara barang yang halal atau haram. Walau bagaimanapun, perbahasan kajian ini tidak akan menyentuh kesemua prinsip halal tersebut, namun perbincangan akan lebih tertumpu kepada beberapa prinsip asas berkaitan halal ini yang mempunyai hubungan dengan keselamatan produk bagi melihat kedudukan keselamatan produk dalam prinsip halal yang telah digariskan oleh ulama kontemporari ini.

Dalam Islam, asal sesuatu perkara adalah harus, kerana setiap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT akan dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis secara jelas (*sarih*). Oleh itu, ruang lingkup perkara haram yang telah diperuntukkan dalam syariat Islam adalah sedikit dan sempit kerana nas-nas yang membawa hukum haram juga amatlah sedikit. Ruang yang seluas-luasnya pula diperuntukkan oleh syarak kepada perkara yang halal. Manakala bagi perkara-perkara yang tidak mempunyai nas-nas yang menghalalkan atau yang mengharamkan adalah kekal dalam sifat asalnya iaitu harus (*mubah*).

Allah SWT Maha Pengasih kepada hambaNya. Setiap perkara yang dihalalkan dan diharamkan oleh Allah SWT mempunyai alasan yang logik ('illah) di sebaliknya untuk memelihara kebaikan manusia itu sendiri. Oleh itu, secara ringkasnya Allah SWT tidak menghalalkan sesuatu perkara melainkan yang baik, dan tidak pula mengharamkan sesuatu melainkan perkara tersebut keji dan buruk. Ini bertepatan dengan prinsip halal yang seterusnya itu mengharamkan yang halal boleh mengakibatkan timbulnya kemudaratan.

Justeru, perkara yang dihalalkan dalam Islam adalah perkara yang benar-baik dan bagus serta perkara yang manfaatnya lebih besar daripada kemudaratannya. Oleh itu, pengharaman perkara yang dihalalkan oleh Islam akan menimbulkan kesukaran dan kemudaratan kepada kehidupan manusia.

Maka, perkara yang diharamkan oleh Islam adalah perkara yang membawa kemudaratkan bukanlah perkara yang membawa kebaikan dan manfaat.

Prinsip ini menjelaskan bahawa perkara yang halal itu adalah baik dan tidak memudaratkan. Oleh itu, prinsip ini merupakan salah satu prinsip yang menggambarkan bahawa baik dan tidak memudaratkan itu merupakan sifat yang terdapat dalam perkara yang halal. Maka tidak dapat dinafikan bahawa prinsip halal turut meliputi keselamatan daripada sebarang kemudaratkan. Apabila diaplikasikan kepada produk, setiap produk yang halal adalah baik dan tidak memudaratkan ini bertepatan dengan konsep keselamatan produk yang terdapat dalam perundangan sivil pada hari ini. Justeru, keselamatan (baik dan tidak memudaratkan) turut merupakan antara intipati penting dalam prinsip halal, sebagaimana firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحَلَّ لَهُمْ قُلْ أَحَلَّ لِكُمُ الظَّبَابُ

“Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang apa saja yang dihalalkan untuk mereka? Maka jawablah: semua yang baik adalah dihalalkan buat kamu.”

(Surah al-Mā’idah, 5: 4)

Selain itu, konsep seterusnya ini menggambarkan bahawa Islam merupakan agama yang menjaga kebijakan dan kesejahteraan umat, seperti keadaan *darūrah* yang berlaku ke atas individu. Oleh itu, dalam keadaan *darūrah* individu Muslim dibenarkan untuk melakukan perkara yang diharamkan untuk mengelakkan kemudaratkan dan memelihara diri daripada kemusnahan. Ini bermakna Islam amat menitikberatkan pemeliharaan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta daripada sebarang perkara yang memudaratkan. Meskipun Islam memberikan ruang kelonggaran untuk melakukan perkara yang diharamkan dalam situasi *darūrah* untuk kemaslahatan manusia, namun dalam kelonggaran ini perlulah menepati batas yang telah digariskan.

Ringkasnya, konsep keselamatan juga merupakan salah satu elemen penting dalam prinsip halal yang menjadi indikator bahawa perkara atau barang yang halal itu adalah selamat yang membawa kepada kebaikan (*maṣlahah*) dan tidak berbentuk kerosakan (*mafsadah*). Oleh itu, prinsip halal dan haram yang telah dibincangkan oleh ulama kontemporari ini bukan hanya menitikberatkan halal dalam sesuatu perkara malah kebaikan dan keburukannya kepada individu dan masyarakat. Justeru dalam Islam konsep keselamatan bukanlah sesuatu yang berpisah dengan prinsip halal malah merupakan prinsip yang saling melengkapi antara satu sama lain.

HUBUNGAN *MAQĀṢID AL-SHARĪ‘AH* DAN KESELAMATAN PRODUK

Definisi *Maqāṣid al-Sharī‘ah*

Maqāṣid al-sharī‘ah merupakan gabungan dari dua frasa iaitu *maqāṣid* dan *al-sharī‘ah*. *Maqāṣid* (مقاصد) merupakan perkataan jamak daripada perkataan *maqṣad* (مقصد). *Maqṣad* pula berasal daripada perkataan *qaṣada* (قصد). Secara umumnya, perkataan *al-qasd* (القصد) membawa maksud mendapat faedah atau, tujuan mencapai niat atau matlamat.⁴⁰ Manakala frasa *al-sharī‘ah* dari sudut bahasa pula ditakrifkan sebagai jalan yang lurus dan tempat punca air yang mengalir yang bertujuan untuk diminum.⁴¹ Syariah dari sudut istilah pula dimaksudkan sebagai apa yang telah disyariatkan oleh Allah SWT untuk hambaNya daripada hukum-hukum yang telah dibawa oleh seseorang nabi sama ada ianya berkaitan amalan (*fiqh*) dan akidah.⁴²

Imam Sayf al-Dīn al-Āmidī menjelaskan bahawa *maqāṣid al-sharī‘ah* merujuk kepada tujuan disyariatkan hukum sama ada mendapat kebaikan atau menolak kemudaratannya ataupun kedua-duanya untuk seseorang hamba di dunia atau akhirat.⁴³ Manakala, Imam al-Shāṭibī pula mendefinisikan *maqāṣid al-sharī‘ah* sebagai tujuan Allah SWT menetapkan syariat adalah memberi kebaikan yang bersifat kekal dan umum di dunia dan di akhirat yang meliputi semua perintahNya, hambaNya dan keadaan.⁴⁴ Menurut al-Raysūnī pula, *maqāṣid al-sharī‘ah* adalah tujuan yang ditentukan oleh syariat, dan ianya perlu dicapai demi kebaikan manusia.⁴⁵ ‘Alal al-Fasi menjelaskan pula bahawa *maqāṣid al-sharī‘ah* adalah tujuan-tujuan pensyariatan dan rahsia yang Allah SWT tentukan untuk setiap hukum.⁴⁶ Ibn ‘Āshūr pula menyatakan

⁴⁰ ‘Abd al-Rahmān Tāhā, *Tajdīd al-Manhāj fī Taqwīm al-Turāth* (Bayrūt: Dār al-Baydā’, 1994), 98.

⁴¹ Abī Wālid Muḥammad Ibnu Ḥaḍīr al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, vol. 3 (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 1994), 561.

⁴² Muḥammad Ibnu ‘Alī al-Tahanawī, *Kashaf Istilahāt al-Funūn*, vol. 2 (Tehran: Maktabah al-Khiyām wa al-Sharakah, 1947), 761.

⁴³ Al-Āmidī, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan Alī Ibnu Abī Alī Ibnu Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985), 215-217.

⁴⁴ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 2, 27-29.

⁴⁵ Aḥmad al-Raysūnī, *Nazariyyāt al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāṭibī* (Riyāḍ: Dār al-‘Alamiyyah li al-Kutub al-Islāmiyyah, 1995), 19.

⁴⁶ Al-Fāsī, ‘Allal, *Maqāṣid al-Sharī‘ah wa Makārimuh* (t.p.: Maktabah al-Wāhidah al-‘Arabiyyah & Dār al-Baydā’, t.t.), 3.

bahawa *maqāsid al-sharī‘ah* adalah maksud dan hikmah yang diperhatikan oleh syarak dalam setiap keadaan pensyariatan atau sebahagian besarnya.⁴⁷

Ringkasnya, daripada definisi-definisi yang telah diutarakan oleh ulama-ulama di atas dapat dirumuskan bahawa setiap pensyariatan hukum oleh Allah SWT mempunyai hikmah dan tujuan bagi menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratannya di dunia dan di akhirat. Ini bermakna Islam sangat menekankan aspek kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat dalam pensyariatannya, malah pensyariatan itu sendiri merupakan salah satu bentuk kemaslahatan agar manusia tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu yang boleh membawa manusia kepada kemudaratannya.⁴⁸

Konsep *Maṣlahah* dalam *Maqāsid al-Sharī‘ah*

Dalam konsep *maqāsid al-sharī‘ah*, *maṣlahah* merujuk kepada tujuan pensyariatan untuk memperoleh manfaat dan menolak kemudaratannya⁴⁹ di dunia dan akhirat yang membawa kepada kehidupan yang sejahtera dan sempurna, di samping memberi manfaat kepada pihak lain.⁵⁰ Oleh itu, kemaslahatan manusia dijamin oleh Islam dalam setiap perintah dan larangan yang telah ditaklifkan kepada manusia. Ulama usul telah membahagikan *maṣlahah* kepada beberapa kategori. Namun begitu, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada pembahagian *maṣlahah* dari aspek kekuatan dan keutamaannya. Kategori tersebut ialah *maṣlahah darūriyyāt*, *ḥājiyāt*, dan *tahsiniyyāt*.

Maṣlahah darūriyyāt merujuk kepada sesuatu yang menjadi kemestian dalam memelihara kemaslahatan manusia sama ada dalam perkara keagamaan ataupun keduniaan, tanpa *darūriyyāt* kehidupan akan berada dalam kerosakan.⁵¹ Terdapat lima perkara penting (*al-kuliyyah al-khams*) yang terkandung di bawah kemaslahatan ini iaitu memelihara agama (aqidah), diri (jiwa), akal, keturunan dan memelihara harta.⁵² *Maṣlahah ḥājiyāt* pula merupakan perkara yang diperlukan oleh manusia tetapi keperluan ini tidak sampai kepada tahap

⁴⁷ Muhammad Tāhir Ibn ‘Āshur, *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Tunisia: al-Sharīkah al-Tunisiyyah, 1978), 51.

⁴⁸ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 2, 27-29.

⁴⁹ Al-Āmidī, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan Alī Ibn Abī Alī Ibn Muḥammad, *al-Ihkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 3, 224.

⁵⁰ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 2, 27-29.

⁵¹ Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 4, 106.

⁵² Muhammad Muṣṭafā al-Shalabī, *Ta’līl al-Aḥkām* (Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1981), 282.

darūriyyāt.⁵³ Secara umumnya *maṣlahah hājiyāt* adalah sokongan terhadap lima nilai utama (*al-kuliyyah al-khams*) dalam keutamaan *darūriyyāt*.⁵⁴ Manakala *maṣlahah taḥsiniyyāt* pula adalah keperluan tambahan yang menjadi pelengkap dalam kehidupan dan hanyalah merupakan elemen *kamāliyyāt* (pelengkap).

Dalam menentukan sesuatu *maṣlahah* manusia, ulama menetapkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi agar ruang *maṣlahah* ini tidak disalahgunakan oleh golongan tertentu. Antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama adalah *maṣlahah* tersebut mestilah *maṣlahah* yang bersifat *qaṭī*, *maṣlahah* yang umum, *maṣlahah* yang *darūriyyāt*, *maṣlahah* yang selari dengan syarak dan tujuan syarak dan *maṣlahah* dunia dan ukhwawi.

***Maqāṣid al-Sharī‘ah* dan Keselamatan Produk dalam Islam**

Konsep *maqāṣid al-sharī‘ah* telah menetapkan bahawa Islam memelihara lima perkara asas kemaslahatan manusia yang meliputi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, sesuatu yang boleh mengancam dan memusnahkan lima nilai utama (*al-kuliyyah al-khams*) ini perlu dihilangkan. Begitu juga dalam penggunaan produk di dalam Islam, produk yang boleh mengancam salah satu daripada lima nilai utama (*al-kuliyyah al-khams*) ini dikira tidak sah penggunaannya dalam Islam, sama ada produk tersebut merupakan produk makanan, minuman, farmaseutikal, kosmetik, mahupun produk perbankan. Oleh itu, produk yang selamat berdasarkan kepada konsep *maqāṣid al-sharī‘ah* adalah produk yang selamat penggunaannya terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Pada asasnya, Islam mewajibkan bahawa sesuatu produk yang selamat perlu memenuhi konsep *halālan tayyiban* sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, namun sekiranya dalam keadaan terpaksa (*darūrah*), maka Islam mengharuskan umatnya untuk bertindak sebaliknya demi memelihara nyawa dan akal. Hal ini kerana *darūrah* merupakan salah satu keadaan yang membolehkan manusia menggunakan sesuatu yang diharamkan. Oleh itu dalam keadaan *darūrah*, individu Muslim boleh mengambil produk farmaseutikal yang tidak menepati konsep keselamatan yang terdapat *halālan tayyiban* demi memelihara nyawa dan akal mereka. Namun, terdapat beberapa syarat

⁵³ Al-‘Alimī, Yūsuf Hamid, *Maqāṣid al-‘Āmmah li Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Riyād: al-Dār al-‘Alamiyyah li al-Kutub al-Islāmī, 1994), 164.

⁵⁴ Nasrul Hisyam Nor Muhamad et al., ‘Konsep Maqasid Syariah dalam Pengurusan Wakaf,’ *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 2, no. 3 (2015): 1-9.

Kesaksamaan Prinsip-Prinsip Keselamatan Produk Sebagai Sebahagian dari
Aspek ‘*Halālan Tayyiban*’ dengan Prinsip-Prinsip Syariah

dalam keadaan *darūrah*, antaranya *darūrah* tersebut mestilah berlaku, tidak mempunyai pilihan lain, benar-benar khuatir akan memudaratan jiwa, tidaklah melanggar prinsip-prinsip asas Syariah yang lain, mestilah pada batas dan had atau kadar yang sepatutnya dan digunakan berdasarkan nasihat doktor yang adil.

Ringkasnya, keselamatan produk dalam Islam mestilah menepati konsep keselamatan yang terdapat dalam konsep *halālan tayyiban* iaitu tidak mengandungi bahan yang telah diharamkan secara jelas (*qaṭī*) dalam al-Quran dan hadis dan tidak memudaratkan. Selain itu, produk yang selamat juga perlulah boleh menjamin dan memelihara keselamatan nyawa dan akal pengguna yang merupakan *maslahah* yang terdapat dalam *maqāṣid al-shari‘ah*. Namun, dalam keadaan *darūrah*, ciri-ciri keselamatan produk di Islam ini boleh ditinggalkan bagi menghilangkan kesusahan dan kesulitan yang dihadapi oleh manusia.

***Maqāṣid al-Shari‘ah* dan Konsep Keselamatan Produk di Malaysia**

Konsep keselamatan produk di Malaysia menetapkan bahawa pengguna berhak untuk mendapatkan produk yang tidak membahayakan kesihatan dan kehidupan mereka. Selain itu, produk juga akan dianggap selamat apabila dapat memenuhi tujuan pembelian dan tidak menimbulkan sebarang kecederaan dan risiko kepada nyawa, keluarga, harta benda dan alam sekitar sekiranya digunakan dengan munasabah oleh pengguna. Konsep keselamatan ini juga turut memelihara pengguna produk daripada risiko yang tidak munasabah (*unreasonable*); yang tidak boleh diterima (*unacceptable*) dan yang boleh dielakkan (*preventable*).

Oleh itu, konsep keselamatan produk di Malaysia turut mempunyai objektif yang sama dengan konsep keselamatan produk yang terdapat dalam *maqāṣid al-shari‘ah*, iaitu untuk memelihara dan melindungi pengguna daripada produk-produk yang berisiko dan boleh membawa kemudaratan kepada diri manusia sama ada dari sudut fizikal atau mental. Selain itu, demi memelihara *maslahah* yang terdapat dalam *maqāṣid al-shari‘ah* ini, individu Muslim dibenarkan bermuamalah dengan yang haram dalam keadaan *darūrah*. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menjaga keselamatan diri dalam keadaan terpaksa. Justeru, konsep keselamatan produk dalam *maqāṣid al-shari‘ah* dan konsep keselamatan produk di Malaysia mempunyai persamaan dalam memelihara kesejahteraan diri pengguna.

KESIMPULAN

Keselamatan produk di dalam Islam bukan hanya dilihat dari aspek keselamatan fizikal malah meliputi aspek keselamatan akidah dan syariat kerana objektif kawalan keselamatan produk dalam Islam adalah untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Islam telah menggariskan bahawa produk yang selamat mestilah menepati konsep *halālan tayyibān* sama ada produk makanan, minuman, farmaseutikal, kosmetik, perbankan dan lain-lain lagi. Keselamatan produk dalam konsep *halālan tayyibān* bukan hanya menetapkan bahawa produk itu halal malah produk tersebut perlulah tidak berbahaya dan tidak memudaratkan sama ada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spiritual. Ini bermakna dalam Islam konsep keselamatan produk dan halal merupakan sesuatu yang tidak boleh dipisahkan bahkan halal dan keselamatan adalah saling melengkapi satu sama lain. Selain itu, Islam turut menetapkan bahawa produk yang selamat itu perlu selari dengan *maqāṣid al-sharī‘ah*. Sekiranya *maqāṣid al-sharī‘ah* tidak dipelihara dalam sesuatu produk, produk tersebut dikira tidak selamat di sisi Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahmān Tāhā, *Tajdīd al-Manhāj fī Taqwīm al-Turāth* (Bayrūt: Dār al-Baydā’, 1994).
- ‘Alī Ibn Muḥammad al-Jurjānī, *al-Ta‘rifāt* (Singapura: al-Haramayn, 1980).
- Al-‘Alīmī, Yūsuf Ḥamid, *Maqāṣid al-‘Āmmah li Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Riyāḍ: al-Dār al-‘Alamiyyah li al-Kutub al-Islāmī, 1994).
- Abd. Rahman, *Halalkah Ubat Anda* (Kuala Lumpur: H Science Solution, 2012).
- Abdul Halim Abd Kadir, Nor Azzah Kamri & Baharom Kassim, *Maqasid Syariah: Isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2013).
- Abī Ja‘far Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, vol. 12 (Qāhirah: Dar al-Ma‘ārif, 1958).
- Abī Wālid Muḥammad Ibn Ahmad Ibn Muḥammad Ibn Ahmad Ibn Rushd al-Qurtūbī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 1994).
- Aḥmad al-Raysūnī, *Naẓariyyāt al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāṭibī* (Riyāḍ: Dār al-‘Alamiyyah li al-Kutub al-Islāmiyyah, 1995).
- Al-Āmidī, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan Alī Ibn Abī Alī Ibn Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985).

- Al-Dibyān, Abī ‘Umar Dibyān bin Muḥammad, *Mawsū‘ah al-Aḥkām al-Ṭahārah al-Miyah al-‘Aniyyah*, vol. 1 (Riyād: Maktabah al-Rashīd Nashrun, 2005).
- Faila Sufatun Nisak, ‘Makanan Bermutu dalam al-Quran’ (Tesis Doktor Falsafah, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2014).
- Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umar al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1994).
- Al-Fāṣī, ‘Allal, *Maqāṣid al-Sharī‘ah wa Makārimuh* (t.p.: Maktabah al-Wāhidah al-‘Arabiyyah & Dār al-Bayḍā’, t.t.).
- Al-Fayyūmī, Abī al-‘Abbās Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn ‘Alī al-Muqrī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Ghariṭ al-Sharḥ al-Kabīr* (Bayrūt: ‘Ādal Murshīd, t.t.).
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar, ‘*Halālan Tayyibān* dalam Kerangka Perundangan Malaysia,’ *Kanun*, vol. 26/1 (2014): 103-120.
- Harmy Mohd Yusuf et al., *Fikah Perubatan* (Selangor: PTS Millennia Snd. Bhd., 2013).
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘il, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Rayyān li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2004).
- Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad Ḥasan al-Ziyat, Hāmid ‘Abd al-Qādir, Muḥammad ‘Alī al-Najjar, *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ* (t.t.p.: al-Maktabah al-Islāmiyah, 1972).
- Ismail, R., Yusoff, S. S. A., Suhor, S., Aziz, A. A., Razman, M. R., & Talib, K. A., ‘Consumer Right to Safe Product: The Application of Strict Criminal Liability in Product Safety Legislations in Malaysia,’ *Journal of Social Sciences & Humanities*, vol. 20 (2012).
- Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘iyah* (Riyād: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Baz, 1997).
- Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣārī Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 13 (Bayrūt: Dār al-Ṣādir, 1955).
- Jasni Sulong & Faisal Husen Ismail, ‘Kesejahteraan Sejagat: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Syariah,’ *Jurnal Usuluddin*, vol. 31 (2010): 79-96.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, *Sistik Utama KPDNKK 2014* (Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, 2015).

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, *Satistik Utama KPDNKK 2015* (Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, 2016).
- Al-Khin, Muṣṭafā Sa‘īd, *al-Kāfi al-Wāfi fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000).
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin, ‘Kriteria Makanan yang Baik dan Buruk Menurut Perspektif Kepenggunaan Islam,’ dalam *Halal Haram dalam Penggunaan Islam*, ed. Suhaimi Ab Rahman & Mohammad Aizat Jamaludin (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 65-83.
- Muhammad ‘Alī al-Šabūnī, *Rawā'i' al-Bayān Tafsīr Āyat al-Ahkām min al-Qur'ān*, vol. 1 (Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, 2001).
- Muhammad bin ‘Alī bin Muhammad al-Shawkānī, *Faṭḥ al-Qadīr: al-Jāmi' bayna Fannī al-Riwayah wa al-Dirāyah fī 'Ilm al-Tafsīr*, vol. 1 (Miṣr: Dār al-Rad al-Jadīd, 2013).
- Muhammad Ibn ‘Alī al-Tahanawī, *Kashaf Istilahāt al-Funūn*, vol. 2 (Tehran: Maktabah al-Khiyām wa al-Sharakah, 1947).
- Muhammad Muṣṭafā al-Shalabī, *Ta'līl al-Ahkām* (Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1981).
- Muhammad Tāhir Ibn ‘Āshur, *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Tunisia: al-Sharīkah al-Tunisiyyah, 1978).
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad et al., ‘Konsep Maqasid Syariah dalam Pengurusan Wakaf,’ *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 2, no. 3 (2015): 1-9.
- Noor Ashikin Hamid & Nur Amani Pauzai, ‘Konsep Kepenggunaan Mengikut Syariah dan Aplikasinya dalam Undang-Undang Malaysia,’ (Kertas kerja, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 15 Oktober 2008).
- Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali, ‘Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam,’ (Kertas kerja, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial ke arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4-6 Jun 2012).
- Rahmah Ismail, ‘Keselamatan Produk dan Perlindungan Pengguna: Satu Tinjauan,’ *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, vol. 4 (2000): 53-73.

Kesaksamaan Prinsip-Prinsip Keselamatan Produk Sebagai Sebahagian dari Aspek ‘*Halālan Tayyibān*’ dengan Prinsip-Prinsip Syariah

Rohani Abd. Rahim, ‘Konsep Syariah dan Undang-Undang Mengenai Kepenggunaan,’ (Kertas kerja, Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 16-17 Mei 1992).

Shofian Ahmad, ‘Perlindungan Pengguna dalam Kontrak Jualan Barang Menurut Undang-Undang Kontrak Islam’ (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007).

Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, vol. 4 (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1993).

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Qāhirah: Maktabah al-Wahbah, 1994).

